

W

ISU remaja samseng ataupun gengsterisme di sekolah nampaknya menjadi satu perkara yang kritikal dan membimbangkan sejak akhir-akhir ini. Pendedahan media massa beberapa kes yang menggemparkan negara dan dunia pendidikan negara memperlihatkan isu ini umpama api dalam sekam, jika tidak dibendung sejak awal ianya mungkin akan merebak dan mengeruhkan lagi suasana tidak harmoni di institusi pendidikan kita.

Kisah remaja kita bergaduh, bertumbuk, sepak dan terajang bukan perkara baru. Namun akhir-akhir ini, ia semakin membimbangkan apabila pergaduhan seumpama itu melibatkan kecederaan yang teruk malahan ada yang terbunuh.

Seorang pelajar lelaki Sekolah Menengah Teknik, Batu Pahat, Johor hilang sebelah buah pinggangnya akibat dipukul dan dibelasah dengan teruk oleh lapan orang pelajar yang lain. Kita juga dikejutkan dengan pendedahan sekolah berasrama penuh berprestij Sekolah Tunku Abdul Rahman (STAR) yang terlibat dengan kegiatan ala samseng di mana mereka menubuhkan sebuah pertubuhan haram ala samseng yang dikenali sebagai *High Council* dan akibat pendedahan itu 20 pelajar sekolah itu dibuang sekolah.

Isu remaja samseng ini mencetuskan kebimbangan di kalangan ibu bapa untuk menghantar anak-anak ke sekolah berasrama hatta sekolah berasrama penuh sekalipun. Kita tahu pemuda harapan bangsa pemudi tiang negara, namun apa akan terjadi kepada generasi akan datang jika inilah corak kegiatan remaja hari ini. Kita sudah pasti tidak mahu suatu hari nanti kita membentuk generasi yang tidak berhemah dan buruk akhlakunya dan menjadi penyangak di masa hadapan.

WANITA terpenggil untuk membincangkan isu ini dengan lebih mendalam dengan menjemput ahli panel yang pakar dalam bidang masing-masing untuk membincangkan isu ini dengan lebih terbuka. Bukan niat untuk menuding atau mencari salah sesiapa, tetapi hasil perbincangan ini mungkin membuka minda dan mata kita untuk melihat permasalahan ini dengan lebih jelas dan mencari jalan penyelesaian.

Kami menjemput Ketua Kaunselor, Pusat Kaunseling Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (Mains), Norazman Ahmat, Pengerusi Jawatankuasa Aktiviti, Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia, Kamal Affandi Hashim dan Ketua Pegawai Eksekutif Barefoot Associates Sdn. Bhd., merangkap Yang Dipertua Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) SRK St. John, Bukit Nanas, Kuala Lumpur, Azahari Othman. Kami juga menjemput Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Datuk Mahadzir Mohd. Khir, malangnya beliau tidak dapat menghadiri diri kerana ada urusan lain. Wartawan WANITA, Nur Aishah Ismail dan Zureen Hamzah duduk semeja dengan ahli panel membincangkan...



Semua pihak perlu bertanggungjawab

Kisah **remaja** kita bergaduh, bertumbuk, sepak dan **terajang** bukan perkara **baru**. Namun **akhir-akhir** ini, ia semakin membimbangkan **apabila** pergaduhan **seumpama** itu **melibatkan** kecederaan yang teruk malahan **ada** yang **terbunuh**

Mengapa gejala remaja samseng ini semakin menjadi-jadi dan kenapa ia berlaku?

Norazman: Dunia pendidikan hari ini tidak habis-habis dilanda pelbagai isu seperti masalah sosial di kalangan pelajar, lepak dan terkini isu pelajar samseng atau gengsterisme di sekolah.

Isu-isu ini mungkin memenatkan guru dan ibu bapa juga bertambah bingung adakah falsafah pendidikan negara kita gagal? Namun kita tidak boleh menyalahlah falsafah pendidikan kerana ia sudah cantik digubal sebenarnya. Masalah sosial dan remaja samseng itu berlaku dalam diri seseorang individu pelajar terutama pelajar di sekolah menengah. Pelajar sekolah rendah masih lagi terkawal walaupun tidak dinafikan terdapat kes.

Dari sudut psikologi, alam remaja adalah satu transisi daripada dunia kanak-kanak ke alam remaja. Dalam konteks Islam, alam remaja ini tidak wujud kerana apabila seorang kanak-kanak itu sudah akhir baligh maka dia tidak termasuk dalam konteks remaja tetapi terus ke alam dewasa.

Kegagalan kita hari ini juga ialah gagal mentafsirkan dunia anak-anak kita bahawa apabila sudah masuk ke alam baligh maka dia sudah mempunyai tanggungjawab kehidupan, sudah dibebani dengan pelbagai perkara yang merangkumi aspek agama, moral, norma, undang-undang dan sebagainya.

Oleh kerana kita istilahkan mereka 'remaja' maka inilah dunia untuk mereka belajar mengenai kehidupan, keseronokan alam remaja. Di peringkat awal remaja, fikiran mereka masih belum matang dan tidak dapat membuat keputusan dengan pertimbangan yang sewajarnya.

Sebenarnya proses pendidikan anak-anak bermula sejak ia lahir hingga berumur tujuh tahun melalui kedua ibu bapa di rumah. Namun kadangkala kita terlupa dan apabila anak sudah masuk sekolah tadika baru kita hendak memulakan pendidikan. Jadi apabila sudah sampai ke tahap itu, proses pendidikan sudah dianggap gagal untuk mendidik remaja.

Melihat kepada minat sosial remaja, ketika ini sudah ada dalam diri mereka untuk mencapai keunggulan diri seperti ingin dilihat hebat di sekolah dan mungkin juga di luar sekolah dan kehebatan itu ditonjolkan dengan cara yang negatif, membentuk kumpulan sendiri yang ala gangster kerana ingin mendapat nama. Sesiapa sahaja yang bergelar remaja pasti akan mencari keunggulan diri tetapi sama ada ia terarah ke positif ataupun negatif terpulang kepada cara didikan yang diterimanya.

Faktor kedua ialah penerimaan kumpulan. Dia ingin diterima oleh rakan sebagainya dan ia perlu bertingkah laku dengan kumpulannya. Jika kumpulannya dikatakan gengster di sekolah, takkanlah dia mahu menjadi ustaz pula dalam kumpulannya kerana dia tidak akan diterima.

Faktor ketiga ialah gaya hidup. Remaja tidak dapat lari daripada dipengaruhi oleh persekitarannya, cara ibu bapa mendidik, cara bagaimana sekolah mendidik mereka. Ada kalanya walaupun sekolah dikatakan tempat yang paling baik untuk mendidik, namun tidak dinafikan suasana di sekolah tidak memberi satu input yang positif kepada mereka. Semuanya memberikan impak kepada pembentukan tingkah laku pelajar di samping pengaruh daripada ibu bapa dan keluarga di rumah, jiran tetangga dan sebagainya.

Masalah domestik, cara didikan dan layanan ibu bapa dan keluarga di rumah juga mempengaruhi. Misalnya cara didikan ibu bapa seolah memberi tekanan kepadanya dan ini menyebabkan mereka memberontak.

Anak remaja di peringkat ini juga ingin menarik perhatian individu lain. Kadang-kadang dia membuat tingkah laku yang negatif bukan untuk kepuasan semata-mata tetapi untuk mendapatkan perhatian. Mungkin ibu bapanya tidak pernah mengambil peduli hal-hal dia di sekolah, cikgu tidak memberikan gambaran yang positif, maka dia akan cuba melakukan pelbagai aktiviti untuk meraih perhatian itu sama ada daripada masyarakat, ibu bapa, guru dan sebagainya.

Kamal Affandi: Populasi pelajar sekolah di negara ini ialah tujuh juta, lima juta pelajar sekolah menengah dan dua juta lagi pelajar sekolah rendah. Daripada tujuh juta itu, 1.09

juta terlibat dalam kes salah laku dan ini mewakili 73,600 pelajar. Jika kita lihat kepada terminologi jenayah misalnya jika populasi di sesuatu tempat itu terlalu ramai dan sesak, akan menggalakkan *packing order* di mana mereka yang dominan akan mengawal mereka yang lemah. Setiap masa kita selalunya menumpukan perhatian kepada 95 peratus daripada populasi itu (memastikan mereka baik dan menjadi pelajar cemerlang dan sebagainya) namun sebenarnya kita sepatutnya lebih menumpukan kepada lima peratus yang dominan. Apabila kita dalam keadaan tertekan, sistem *lipid* kita akan mengambil alih. Ini adalah otak primitif kita yang sudah wujud sejak kita dalam kandungan lagi dan pada satu ketika ia akan mengambil alih fungsi normal kita terutamanya ketika kecemasan.

Sistem *lipid* ini akan mengawal sistem penghadaman, seksual reproduktif, pernafasan dan sikap agresif. Daripada 48 sel yang ada dalam tubuh manusia, kita sudah ada tingkah laku agresif yang tersembunyi. Tetapi kenapa pelajar lelaki yang lebih terlibat berbanding pelajar perempuan. Ini kerana lelaki mempunyai hormon testosteron manakala perempuan hormon estrogen.



● Norazman Ahmad

Dari sudut pandangan ibu bapa bagaimana Encik Azahari melihat isu remaja samseng ini?

Azahari: Saya rasa ini satu sesi yang baik yang boleh saya luahkan dari pelbagai sudut, pertama dari sudut seorang perunding dan yang kedua dari sudut Yang Dipertua Persatuan Ibu bapa dan guru (YDP PIBG). Saya sudah memegang jawatan sebagai YDP PIBG ini selama tujuh tahun dan pelbagai kes sudah saya temui.

Pada pendapat saya motivasi sebenarnya bermula dari rumah. Jika kita lihat kepada isu masalah sosial seperti kes remaja samseng, kebanyakan ibu bapa akan menyalahkan guru dan pihak sekolah kerana gagal mendidik anak mereka. Mereka beranggapan apabila mereka menghantar anak ke sekolah, adalah menjadi tanggungjawab guru untuk mendidik anak mereka.

Namun saya katakan kepada mereka bahawa anggapan itu sebenarnya tidak benar kerana tugas dan tanggungjawab mendidik anak-anak sebenarnya bermula daripada ibu bapa di rumah. Saya bersetuju dengan Encik Azman bahawa proses pendidikan bermula sejak dari umur satu hingga tujuh tahun. Ini merupakan peringkat yang paling kritikal.

Jika didikan yang diterima itu tidak betul maka sampai ke besarlah didikan itu akan menjadi tidak betul kerana ibu bapa akan menjadi *role model*. Tetapi jika di peringkat awal didikan yang diterima berada di landasan yang betul bermakna anak-anak itu tadi akan mengikut dan insya-Allah dia akan menjadi insan berguna di zaman dewasanya.

Proses pembesaran itu amat penting jika sejak awal kita tegur anak kita setiap kali melakukan kesilapan dan kesalahan dengan memberikan sebab dan akibatnya. Tetapi jika tidak dilakukan di peringkat awal dan sudah remaja baru cakap yang perkara yang dilakukannya itu tidak betul dan merupakan kesalahan, dia tidak akan mendengar lagi kata-kata kita dan akan melenting kerana dia sudah tidak boleh terima teguran. Pengaruh yang diterima di luar lebih kuat.

Apabila hendak memberikan sesi kaunseling kepada remaja,

kita tidak boleh berharap dia akan berubah dalam masa sehari dua dan mendadak kerana pengaruh persekitaran lebih kuat. Apa yang penting ialah berbalik semula kepada asas iaitu *management by love* atau pengurusan kasih sayang daripada ibu bapa kepada anak-anak; guru-guru kembali kepada asas menguruskan anak-anak dengan penuh kasih sayang. Mereka perlu faham bahawa bukan setakat ucapan *love you* dan sebagainya dan berhenti setakat di situ.

Sebenarnya ada enam elemen yang harus diguna pakai dalam pengurusan kasih sayang dan digunakan sebagai garis panduan bagaimana kita mengurus anak-anak, pelajar dan kakitangan dengan kasih sayang.

1. *Caring*/mengambil berat/peduli. Kita harus mengambil berat apa yang mereka lakukan. Jika kita lihat ibu bapa kita dahulu yang sentiasa bertanya ke mana kita pergi, dengan siapa, buat apa dan sebagainya.

2. Menghargai - pernahkah kita menghargai apa yang anak kita buat. Sebenarnya ibu bapa tiada masa untuk itu kerana terlalu sibuk dengan kerjaya. Ada kes pelajar perempuan terlibat dengan bohsia dan mengatakan dia tidak mendapat kasih sayang dan dihargai oleh ibu bapanya yang selalu sibuk dengan kerjaya masing-masing. Terlalu inginkan perhatian akhirnya keluar lepak dengan kawan-kawan, terlibat dengan mat motor dan akhirnya menjadi bohsia. Masalahnya kini ibu bapa kurang memberikan perhatian dan memberi penghargaan kepada anak-anak.

3. Hormat menghormati/ respek - jika sudah tiada lagi perasaan hormat-menghormati antara satu sama lain, berlakunya kes-kes remaja samseng kerana mereka ini memerlukan perasaan respek daripada ibu bapa, guru dan persekitaran.

4. Empati - bagaimana ibu bapa meletak dirinya dalam diri anak-anak. Tidak tahu yang anak-anak ada masalah dan tidak memberi peluang untuk anak-anak meluahkan perasaan ataupun masalah yang mereka hadapi. Jika dirujuk ke kaunseling, kaunselor akan meletakkan dirinya dalam diri klien dan memahami apa yang dihadapi oleh mereka.

5. Tidak adanya perkongsian/*sharing* - anak-anak sebenarnya suka berkongsi segala suka dan dukanya di sekolah dan aktiviti yang dilakukan. Jika tidak dapat berkongsi dengan ibu bapa dengan siapa lagi dia hendak berkongsi.

6. Pengorbanan - pengorbanan yang bagaimana? Contohnya berkorban mengambil cuti semata-mata menghadiri hari anugerah cemerlang anak, berkorban masa lapang untuk mengajar anak-anak belajar dan sebagainya.

Dalam hal ini ibu bapa tidak boleh menyalahkan sesiapa seperti guru, Kementerian Pendidikan dan sebagainya tetapi melihat kesalahan kita sebagai ibu bapa. Apakah tugas dan fungsi utama kita kerana tugas mendidik dan memberikan pelajaran kepada anak-anak adalah tugas ibu bapa.

Dalam hal ini, saya syorkan pengurusan kasih sayang diguna pakai supaya ibu bapa lebih bersikap terbuka dengan hati dan

minda yang terbuka terhadap keluarga. Adakan sesi mesyuarat keluarga dan berbincang sesama sendiri di manakah arah tuju mereka sebagai satu keluarga.

Perpecahan dalam institusi keluarga boleh menyumbang kepada kepincangan remaja bermasalah. Namun jika dilihat kebanyakan pelajar sekolah terpilih lazimnya pelajar pintar dan tidak semua mereka datang dari keluarga yang berpecah atau bermasalah tetapi mengapa kes pelajar samseng berlaku juga. Sekolah cemerlang, guru cemerlang dan pelajar juga cemerlang. Apakah sebenarnya yang menyebabkan remaja ini bertindak di luar batasan?

Norazman: Kita berbalik kepada konsep kejadian manusia. Dari sudut agama apabila manusia gagal mendidik akal, hati dan jiwa ia akan memberikan impak kepada fizikalnya. Pendidikan

banyak memberi tumpuan kepada fizikal dan luaran. Peribahasa ada menyebut bapa kencing berdiri, guru kencing berlari, anak murid mungkin kencing menari? Pelajar itu sendiri boleh menjadi proaktif kepada pengaruh negatif. Kenapa dipersalahkan suasana?

Ibu bapa perlu mendidik diri mereka, anak-anak itu juga perlu mendidik diri mereka sendiri. Fasa kedua elemen dalam keluarga perlu bermula dalam diri. Kalau diri sendiri tidak dijaga bagaimana hendak menjaga orang lain. Sebenarnya ia bergantung bagaimana pelajar itu membawa matlamat pendidikan dalam dirinya. Allah tidak akan mengubah nasib seseorang itu jika dia sendiri tidak mengubah dirinya. Perubahan tidak boleh berlaku dalam jangka masa yang singkat, jadi walau pelajar itu datang dari keluarga yang bermasalah, jika mereka tidak menjadikan masalah untuk membentuk dirinya sendiri maka tidak hairanlah mereka boleh berjaya, boleh mengawal dalaman dirinya sendiri dan membezakan yang baik dan buruk.

Azahari: Apa yang sebenarnya berlaku, ibu bapa pelajar ini tidak berfikir terbuka dan tidak mahu menerima kenyataan anaknya melakukan salah laku kerana bagi mereka anak mereka baik. Kemungkinan ibu bapa nak melindungi diri, mungkin juga tiada pemantauan daripada ibu bapa itu sendiri terhadap kegiatan anak-anak dan menyerahkan segalanya kepada sekolah. Itu satu kesilapan yang dibuat.

Kamal Affandi: Sekolah boleh jadi cemerlang, guru boleh jadi cemerlang tetapi pelajar itu sendiri yang memilih untuk menjadi tidak cemerlang. Ia berkaitan dengan pilihan yang dia buat bukan apa yang salah.

Ini adalah satu manifestasi yang dialaminya. Di rumah dia mungkin nampak baik tetapi di sekolah dia jahat. Ini mungkin kerana dia tidak diterima sebagai salah satu ahli keluarga. Dia mungkin seperti halimunan dalam keluarganya. Kehadirannya seolah-olah tidak disedari. Balik atau tidak keluarga tidak peduli.

Bagaimana dia hendak menangani stress itu. Di sekolah kita tidak diajar cara berkomunikasi dengan baik untuk menyuarakan masalah yang dihadapi. Apa yang terjadi, masalah



● Kamal Affandi Hashim

Orang yang bercakap itu pun sebenarnya **ketika remajanya pun bukan baik sangat dan pernah melalui apa yang dilalui orang remaja ini, silap hari bulan lebih teruk lagi. Kini kita menghakimi remaja ini mengikut standard kita?**

dan rasa tidak puas hati ini disimpan dalam dirinya. Esok timbul masalah, simpan lagi. Lama-kelamaan masalah kecil menjadi masalah remeh, masalah remeh menjadi masalah basi dan ia kekal.

Kedua, dia manifestasikan ketidakpuasan hatinya dengan cara kekerasan. Mungkin baginya tindakan itu hanya sesuatu yang nakal bukan jahat dan tidak sedar perbuatannya itu menyalahi undang-undang kerana orang yang rapat dan dekat dengan dia tidak berupaya untuk memberikan dia satu garis panduan atau menjadi mentor untuk dia.

Ada pelbagai sebab kenapa seseorang itu memilih untuk menjadi samseng. Antaranya marah kepada ibu bapa, pengaruh kawan, alergi kepada ubat-ubatan (tidak boleh membuat pertimbangan sewajarnya disebabkan pengaruh ubat) selain sebab ketika kecil contohnya, hayunan buaian yang terlalu kuat dan terjatuh ketika kecil, boleh merosakkan deria saraf yang baru hendak berkembang dan menyebabkan kebolehan untuk menganalisis secara logikal tiada dan bergantung kepada naluri untuk terus berjuang dan kita jadi samseng.

Azahari: Manusia ini dikawal oleh dua perkara iaitu perasaan dan fikiran. Jika perasan menguasai pemikiran itu yang berlaku tindakan di luar kawalan. Perkara yang tidak sepatutnya berlaku boleh berlaku. Kepada remaja samseng ini kita perlu tekankan bahawa apabila berlaku sesuatu jangan lupa untuk berfikir sama ada apa yang akan dilakukan itu rasional atau tidak dan kesannya sama ada akan menimbulkan keburukan atau kebaikan. Masalahnya mereka tidak berfikiran seperti itu ketika membuat tindakan. Baginya jika dia nak buat sesuatu, dia akan buat dan ini akan menimbulkan satu kepuasan dalam dirinya.

Namun para remaja ini tidak akan menyalahkan diri sendiri atas apa yang berlaku, dia akan menyalahkan pihak lain terutamanya ibu bapa. Apa pendapat ahli panel?

Kamal Affandi: Pada pandangan saya, kita perlu tanya sama ada kita ada masyarakat atau orang ramai? Terdapat perbezaan antara masyarakat dan orang ramai. Setiap orang tidak akan mengakui kesilapannya. Kita perlu bertanya kita menghakimi mereka (remaja ini mengikut standard siapa, standard ibu bapa atau standard remaja? Ikut standard mereka, dia tidak melakukan apa-apa yang salah. Namun mengikut standard ibu bapa dan masyarakat, remaja yang bersalah. Buat itu tak betul, buat ini salah dan sebagainya.

Orang yang bercakap itu pun sebenarnya ketika remajanya pun bukan baik sangat dan pernah melalui apa yang dilalui orang remaja ini, silap hari bulan lebih teruk lagi. Kini kita menghakimi remaja ini mengikut standard kita? Di sini timbulnya konflik dan kita tidak pernah untuk cuba menghuraikan konflik itu. Kita tidak pernah lihat persamaan tetapi suka lihat perbezaan. Jadi hal ini akan membuatkan jurang antara remaja dan orang dewasa lebih besar. Kita sering kali membuat kesimpulan yang salah dan menghakimi mereka dengan standard kita tanpa cuba memahami mereka dan menyelami perasaan mereka.

Kita pula semakin lama kita akan menjadi semakin konservatif. Bila sampai ke tahap itu kita sudah semakin sukar untuk bertolak ansur sedang suatu ketika dahulu, kita juga melakukan perkara yang sama. Kita boleh menegur dengan cara yang rasional misalnya 'pak cik dulu pun macam itu juga tapi, ada batas-batasnya dan tidak mahu melakukan kesilapan yang

sama'. Kita tidak menerangkan kepada remaja itu apa yang salah tetapi mengkritik apa yang mereka lakukan.

Kadangkala kita cuba untuk menyelesaikan masalah yang kontemporari dengan cara yang konservatif. Bila masa yang kita pernah tanya pelajar apa yang mereka hendak dalam sukatan mata pelajaran. Kita tanya guru dan kita latih guru untuk menjadi yang terbaik, minta PIBG supaya menjadi satu kumpulan yang baik tetapi kita tidak pernah latih anak murid supaya menjadi murid. Tambah pula guru-guru dibebani dengan pelbagai tugas. Putaran hidup itu sudah berbeza adakah guru sebagai satu medium atau satu alat sekarang?

Malangnya sikap kita yang tidak boleh dikritik menyebabkan kita lupa kritikan dan kutukan adalah dua perkara yang berbeza. Jika kita berikan kritikan yang membina pun, mereka tidak boleh menerimanya kerana bagi mereka itu adalah satu kutukan juga.

Apabila isu remaja samseng diperbesarkan oleh media, Kementerian Pendidikan buat satu tindakan yang segera seperti cadangan memperkenalkan semula hukuman rotan, memberi kuasa yang lebih kepada guru besar atau pengetua dan guru disiplin dan kuasa kepada warden. Sejauh mana cadangan ini memberikan kesan untuk menangani permasalahan ini?

Kamal Affandi: Bagi saya pihak media bukan memperbesarkan isu ini tetapi melaporkan kejadian sebenar yang berlaku. Memang saya akui beberapa cara cuba diperkenalkan semula untuk membendung masalah ini tetapi kita perlu tanya sama ada ia dapat menyelesaikan masalah. Bagi saya ini bukan untuk menyelesaikannya tetapi kita menangguhkan masalah itu supaya ia tidak nampak. Jika kita perkenalkan hukuman rotan sekalipun dan implimentasinya berbeza tidak ada gunanya juga. Semua ini perkara biasa tetapi ia masih tidak menjawab isu pokok.

Bagi saya tidak ada apa untuk disembunyikan. Banyak cara lain lagi yang perlu difikirkan. Misalnya bilangan guru kaunseling di sekolah. Ada sekolah yang ada 2000 pelajar tetapi hanya ada seorang guru kaunseling, itu pun masih kelabu lagi sama ada dia seorang kaunselor atau guru kerana masih juga menjalankan tugas sebagai guru, grednya pun masih kelabu.

Semua masalah yang dihadapi oleh pelajar diserahkan kepada kaunselor, masalah ponteng sekolah, vandalisme dan sebagainya. Apabila masalah itu dirujuk kepada kaunselor, kita perlu tahu kenapa ia dirujuk kepada kaunselor. Adakah kaunselor dapat membantu atau modul-modul yang diperkenalkan sebelum ini tidak berjaya.

Azahari: Sebenarnya kita tidak boleh mengambil sembarangan orang untuk menjadi kaunselor kerana kaunselor adalah satu tugas yang profesional. Oleh kerana sekarang ini pihak sekolah sudah ada kaunselor, semua dilepaskan kepadanya menyebabkan kaunselor ini pening kepala. Kaunselor ini pula hanya dilantik di kalangan guru-guru untuk menjadi penasihat dan sebagainya. Bukan senang untuk menjadi kaunselor kerana banyak syarat dan kriteria yang perlu dipenuhi sebelum seseorang itu layak digelar kaunselor dan dia dilantik secara profesional.

Guru kaunselor di sekolah tidak dilatih secara profesional. Semata-mata untuk menyembunyikan masalah, lantik guru kaunseling dan implimentasikan kaedah yang kita sebutkan tadi. Tetapi akhirnya kita tidak melihat ke akar umbi dan menye-

lesaikan masalah.

Dalam setiap permasalahan ketika sesi kaunseling, kita akan menyelami permasalahan itu sehingga ke akar umbinya dan kita akan terkejut bahawa masalah yang kita lihat besar itu sebenarnya hanya masalah sampingan.

Kamal Affandi: Daripada kaedah-kaedah yang cuba diimplimentasikan oleh Kementerian Pendidikan, nampaknya semuanya untuk sekolah. Masyarakat di luar sekolah tidak layak untuk membantu menyelesaikan masalah ini. Kenapa? Sebab senang untuk mengawalinya jika sesuatu berlaku.

Dalam satu-satu masalah, ada orang yang tidak mahu membuat keputusan yang drastik kerana dia tidak mahu menjadi tidak popular dan tidak mahu dikatakan orang yang bertanggungjawab. Inilah masalahnya. Sepatutnya orang yang bertanggungjawab terhadap masalah ini perlu ada.

Selalunya apabila kes-kes seperti ini dapat dihidu oleh media dan tersebar ke seluruh negara, pihak terlibat akan mencari pihak media dan mengatakan kes itu hanya kes terpencil dan sebagainya. Dalam hal ini wajarkah media disalahkan?

Kamal Affandi: Apabila kita ada satu institusi yang melibatkan masyarakat, mereka mempunyai hak untuk mengetahui apa yang sedang berlaku. Apabila kita sekat hak itu, ia seolah-olah seperti menghalang pihak media untuk melaporkan, ada sesuatu yang silap berlaku. Masyarakat pun boleh berfikir... takkanlah seorang pelajar kena pukul, semua pelajar kena di sekolah itu kena pukul dan ibu bapa takut hendak menghantar anak-anak ke sekolah. Mereka akan berfikir secara rasional juga.

Media perlukan mereka dan mereka juga memerlukan media. Soalnya bagaimana kita boleh menjalin hubungan. Ini yang kadang-kadang media dilihat sebagai pengacau, ada agenda sendiri dan sebagainya. Padahalnya tidak. Mereka ini dilesenkan untuk melaporkan keadaan sebenar.

Bagaimanakah caranya untuk kita dekati pelajar yang bermasalah ini?

Norzman: Di Negeri Sembilan misalnya, terdapat beberapa sekolah yang mengetahui fungsi pusat kaunseling. Kaunselor sekolah seperti yang Encik Kamal katakan tadi dibebani dengan terlalu banyak dengan masalah pelajar dan tugas sebagai seorang guru. Bukan itu sahaja peribadi dia sebagai kaunselor juga gagal sebenarnya untuk menangani masalah pelajar di sekolah. Jadi apabila pelajar yang bermasalah ini tidak dapat ditangani oleh guru kaunseling di sekolah, kami menawarkan diri untuk membantu menangani kes-kes disiplin di sekolah, masalah moral dan sebagainya

Pelajar pelajar ini dibawa ke pusat kaunseling kami, bukan di sekolah kerana suasananya sudah berserabut. Dan dalam masa yang sama pihak guru dan PIBG juga perlu memberikan kerjasama dan kita memanggil ibu bapa untuk melihat apa persepsi ibu bapa terhadap anaknya. Daripada sesi itu kita dapat lihat antaranya ibu bapa berpandangan negatif terhadap anak dan didapati juga anak tersebut tidak ada ruang untuk meluahkan pandangan dia.

Bagi ibu bapa yang tidak bermasalah tetapi mempunyai anak bermasalah kita lihat perkara-perkara lain seperti pengaruh

rakan sebaya, sikap guru dalam kelas dan sebagainya. Ini juga akan memberi impak terhadap sesi kaunseling yang kami jalankan.



● Azahari Othman

Dalam masa yang sama kita tidak menyalahkan satu kelompok sahaja. Semua pihak yang terlibat perlu bertanggungjawab terhadap masalah yang berlaku. Dalam hal ini kita dapat kesan ada masalah lain yang melingkari pelajar itu seperti masalah ekonomi, masalah dalam keluarga itu sendiri, situasi kejiranan dan sebagainya.

Apabila kita buat program seumpama ini nampaknya para pelajar bersedia untuk meluahkan apa yang dia rasa mengenai suasana persekitarannya. Apabila kita mendekati mereka melalui kaedah psikologi, pelajar ini akan melihat perlakuan itu atas pilihannya sendiri dan kegagalan dia membawa diri di samping faktor luaran yang membantu dia melakukan salah laku itu. Apabila dia sudah nampak, dia tahu apa yang harus dia lakukan dan bagaimana

dia harus bertingkah laku dalam konteks dia sebagai seorang pelajar. Dia merasakan bahawa dia diberi ruang untuk dia menggunakan dirinya sendiri. Nakal di kalangan pelajar tidak dapat dinafikan tetapi ia terkawal dan tidak dilihat dalam suasana sekolah sebagai pelajar yang jahat atau teruk.

Azahari: Kita perlu menyelami masalah dari asasnya dan mencari penyelesaian. Sepatutnya kita mendidik pelajar-pelajar ini. Apabila kita mengajar, kita cuma beritahu, jangan buat itu dan jangan buat ini. Tapi apabila sampai pada tahap untuk menajana pemikiran mereka, ibarat kata Encik Kamal tadi, ia perlu rasional. Apabila ada masalah, beritahu mereka akibat yang boleh berlaku daripada tingkah laku yang negatif, beritahu kesan dan didik mereka.

Kamal Affandi: Saya sarankan agar ibu bapa buat *role play*, suami buat kerja isteri dan isteri buat kerja suami sebab selalunya apabila berlaku kes seperti anak terlibat dalam salah laku atau jenayah, bapa selalunya salahkan si ibu. Si ibu akan diam. Suasana tersebut lama-kelamaan jadi tidak harmoni. Kalau boleh si bapa pandang dari mata si ibu untuk melihat apa yang boleh dilakukan begitu juga sebaliknya. Tidaklah hanya satu pihak sahaja yang bertanggungjawab.

Ketika kanak-kanak berumur sembilan dan 11 tahun, apabila tester dan estrogen dah mula meningkat, inilah masa mereka cuba mencipta identiti dewasa. Merokok itu dewasa, sebab itulah mereka merokok untuk mengaitkan dengan dewasa. Nak pakai baju nampak pusat, pada mereka itu satu imej dewasa. Kita melihat mereka sebagai kanak-kanak dan kita kurang memberi perhatian. Lazimnya kita akan menegur kenapa berpakaian sedemikian atau menyangka mereka akan berubah apabila dewasa dan tidak berpakaian begitu nanti. Kita tidak bercakap kepada mereka sebagai seorang dewasa yang punya perasaan, hati dan akal tapi sebagai mandatori, komunisme. Kalau ayah kata tak boleh, maknanya tak boleh. Saya percaya, lebih baik kalau bertanya pendapat mereka, tanya apa fikiran mereka tentang sesuatu perkara. Kalau nak hukum, kita tak tanya mereka adakah mereka perlu dihukum.

Bagi saya kalau berdepan dengan pelajar bermasalah, saya secara peribadi akan bercakap mengikut rentak mereka, kerana lebih mudah saya mendekati mereka. Apabila mereka lihat saya

sebahagian daripada mereka, secara tidak langsung menggalakkan mereka untuk berinteraksi dengan saya dan mengenali mereka lebih mendalam. Saya berjaya mendapat kepercayaan mereka, kalau ada ceramah di sekolah, mereka seronok nak ikuti walau bukan saya yang beri ceramah selepas itu. Saya tidak punyai masalah jika ada pelajar nak bercakap dengan saya.

Ada pelajar nak bercakap tentang pornografi contohnya, saya tidak akan beritahu sama ada ia betul atau salah tapi saya beritahu mereka secara moralnya ia salah. Biar mereka fikir. Kalau saya kata ia salah secara hakikinya, nanti mereka akan berlagak baik di hadapan saya sahaja tidak di belakang. Kalau saya beri pilihan untuk mereka fikir tindakan mereka sendiri, saya tahu mereka akan berfikir. Bagi mereka, takkan nak tanya ibu atau ayah mereka. Dalam budaya kita ibu bapa perlu dihormati. Ada perkara yang mereka rasa tidak boleh berkomunikasi dengan orang tertentu, mereka perlukan orang yang mereka boleh rujuk. Kita perlu seiring dengan mereka kerana jika kita di hadapan mereka, kita tidak tahu berapa jauh mereka di belakang, kalau mereka di hadapan, mereka takut kita pula yang menolak mereka.

Kita juga percaya, penjara adalah salah satu bentuk hukuman untuk ajar orang. Pusat hukuman. Kalau ada pelajar jahat kita hantar ke Sekolah Hunry Gurney tapi bolehkah ia mengubah seseorang menjadi baik. Ada ibu bapa yang tidak sanggup lagi dan tidak kisah anak dihantar kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat. Memang betul kerajaan sudah sediakan tempat tapi apakah isunya? Ibu bapa ingin melepaskan tangan.

Setiap kali ada pelajar bermasalah, guru kena beri perhatian dan kurang tumpuan kepada pelajaran. Ini satu pembaziran. Apabila dia bermasalah, pelajar ini tidak masuk ke pasaran tenaga kerja sebab dia masuk penjara. Kita kerugian RM270,000 setahun dalam bentuk produktiviti bagi seorang penjenayah. Ini memberi kesan kepada ekonomi.

Dari segi jenayah, adakah ia melibatkan semua bangsa dan peringkat umur?

Kamal Affandi: Semua. Kalau kes-kes samseng, yang dominannya di sekolah kebangsaan, tapi tidak bermakna ia tidak berlaku di sekolah jenis kebangsaan. Cuma lebih ketara di sekolah kebangsaan. Kalau ikut perangkaan, kes banyak memperlihatkan bangsa Melayu paling tinggi kesnya sejak tiga tahun lalu. Kedua, India dan diikuti kaum Cina. Sementara itu, lelaki lebih dominan dalam kegiatan yang melibatkan jenayah manakala perempuan kebanyakannya terlibat dalam kegiatan GRO, budak sekolah menengah pun dah ada begitu juga yang menjadi pembawa dadah.

Adakah langkah membuang pelajar dari sekolah kerana masalah samseng ini praktikal?

Azahari: Ia bergantung kepada keseriusan masalah. Kita ada sistem contohnya memberi surat pemberitahuan kepada ibu bapa sebelum satu tindakan diambil. Janganlah sekadar nak menampakkkan pihak sekolah sudah mengambil tindakan dan uar-uarkan pula dalam surat khabar contohnya.

Kamal Affandi: Mengapa tidak? Perlukah kita kesian kepada penjenayah?

Buang sekolah macam mana pun ia tidak menyelesaikan masalah. Apabila mereka dibuang sekolah, gejala ini mungkin menular di kalangan masyarakat pula

Azahari: Buang sekolah macam mana pun ia tidak menyelesaikan masalah. Apabila mereka dibuang sekolah, gejala ini mungkin menular di kalangan masyarakat pula.

Mungkin ada alternatif lain, saya pasti di negara kita terdapat ramai pakar sama ada dari segi psikologi, jenayah atau pendidikan, tapi adakah mereka pernah duduk semeja dan cuba mengenal pasti masalah yang timbul?

Kamal Affandi: Pada tahun 90-an, majlis aspirasi nasional telah dibuat dengan menggabungkan ahli-ahli dalam bidang masing-masing namun ia tidak berhasil. Apa tidaknya, terlalu banyak suara. Sebolehnya, apabila berbincang kita tidak boleh ada ego sebab kita tidak boleh kata diri kita yang betul.

Akhir sekali, mungkin ahli panel mempunyai kesimpulan berdasarkan perbincangan ini?

Norazman: Apa yang kita nampak mengenai masalah gengsterisme ialah melihat peranan yang dimainkan oleh semua yang terlibat. Masing-masing buat muhasabah diri. Insya-Allah, apabila masing-masing sudah buat analisis dan melihat kekurangan yang boleh menyumbang kepada masalah tersebut, kita perlu menjadi pihak yang sanggup berubah dan menerima perubahan yang dicadangkan orang lain. Oleh sebab itu, sikap terbuka dan optimis boleh membawa kepada perubahan yang diharapkan.

Azahari: Bagi saya, jika hendak menangani masalah remaja samseng ini, kita balik kepada asas dan lihat kesilapan kita di peringkat awal terutamanya peringkat pendidikan, di rumah. Ada tiga perkara yang tidak boleh diketepikan dalam kehidupan iaitu kehidupan, pembelajaran dan kasih sayang. Kehidupan yang mana hendak dibentuk dalam keluarga. Kedua, pembelajaran. Proses pembelajaran perlu berterusan bermakna ibu bapa harus sedar, walau setinggi mana pangkat, tugas mendidik anak-anak tiada akhirnya. Ketepikan ego walau berpangkat atau sibuk berkerjaya. Akhir sekali, kasih sayang sebab ia asas kepada apa jua yang kita buat. Jadi, pengurusan kasih sayang digunakan dalam kehidupan kita termasuk enam elemen yang diterangkan awal tadi. Bolehkah ibu bapa mengikutinya. Checklist satu persatu. Saya rasa dalam perbincangan ahli panel lain merangkumi keenam-enam elemen itu.

Kamal Affandi: Bapa perlu ada elemen wanita. Ibu juga perlu ada jiwa lelaki. Sama-sama memainkan peranan dari satu unit kecil iaitu rumah. Kemudian, jiran tetangga, daerah dan seterusnya. W

